

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 1 Julai 2002

SOALAN

Y.B Datin Hajah Seripah Noli Binti Syed Hussin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan sama ada sudah wujud kecenderungan di kalangan wanita yang mempunyai kerjaya tinggi di Malaysia yang mempengaruhi pendirian mereka untuk tidak berkahwin serta jelaskan rancangan Kementerian dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Mengikut perangkaan daripada Banci dan Perumahan 2000 Jabatan Perangkaan, terdapat sejumlah 2.27 juta orang wanita yang berumur 15 tahun ke atas yang belum pernah berkahwin daripada sejumlah 7.33 juta orang wanita dalam kategori umur tersebut. Jika dilihat perangkaan mengenai berumur 30 tahun ke atas yang belum pernah berkahwin, angkanya ialah 279,971 orang wanita, berbanding sejumlah 4.35 juta orang penduduk wanita dalam kategori umur ini, iaitu bersamaan 6.44 peratus sahaja. Banci tidak mendapatkan maklumat mengenai kerjaya atau faktor lain yang menjadi sebab wanita berkenaan tidak/belum berkahwin. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ada membuat satu kajian mengenai kejadian kahwin lewat pada bulan September 2002. Daripada banci yang dikendalikan di bawah kajian berkenaan, wanita berkenaan menyebutkan beberapa sebab mereka lewat berkahwin, iaitu mengukuhkan kerjaya (78.4 peratus); sukar mencari pasangan yang sesuai (71.6 peratus); menikmati kebebasan hidup (69.1 peratus); mengukuhkan kedudukan kewangan (67 peratus); belum bersedia memikul tanggungjawab (65.6 peratus) dan individu berkenaan terlalu memilih (55.7 peratus).

